



**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENGEQUALIAN
CUKAI BAGI PENGANJURAN
PROGRAM/AKTIVITI KESENIAN DAN
KEBUDAYAAN DI MALAYSIA**

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan tentang syarat kelayakan dan prosedur permohonan pengecualian cukai bagi penganjuran program/ aktiviti kesenian dan kebudayaan di Malaysia sama ada dalam bentuk persembahan pentas, pameran, festival atau persidangan bertaraf antarabangsa.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada tahun 1999 hingga 2000, penganjuran aktiviti kesenian dan kebudayaan yang diluluskan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan Kementerian Belia dan Sukan diberi galakan cukai seperti berikut:
- (i) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan berkanun bagi penganjuran aktiviti yang diluluskan diberi kepada syarikat penganjur; dan
 - (ii) pengecualian daripada membayar cukai pendapatan diberi kepada warga asing yang menyertai aktiviti tersebut.
- 2.2 Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) melalui pembentangan Bajet 2020 pada 11 Oktober 2019 telah mengumumkan bahawa beberapa insentif cukai yang disasarkan ke atas sektor kesenian dan kebudayaan bagi menarik kedatangan pelancong asing ke negara ini.
- 2.3 Walau bagaimanapun, melalui pembentangan Bajet 2022 pada 29 Oktober 2021 telah melanjutkan beberapa galakan cukai termasuk pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan berkanun diberik kepada penganjur program/ aktiviti kesenian dan kebudayaan sama ada dalam bentuk persembahan pentas, pameran, festival atau persidangan bertaraf antarabangsa sehingga tahun taksiran 2025.

3.0 SKOP / AKTIVITI

- 3.1 Insentif cukai ini terbuka kepada semua penganjur/ syarikat yang berkelayakan bagi menganjurkan program/ aktiviti kesenian dan kebudayaan bertaraf antarabangsa dalam negara yang diluluskan oleh MOTAC dan dianjurkan bersama oleh penganjur luar negara yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) persembahan di luar negara (tidak termasuk negara asal).
- 3.2 Penganjuran program/ aktiviti tidak melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama, budaya dan tradisi masyarakat majmuk di negara ini serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan atau mengganggu-gugat kestabilan politik, ekonomi, sosial, ketenteraman awam dan keselamatan negara.
- 3.3 Persembahan pentas kesenian dan kebudayaan berdasarkan kepada domain di bawah Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) seperti berikut:
- (i) seni muzik;
 - (ii) seni tarian;
 - (iii) seni lakon (teater, filem dan drama)
 - (iv) seni mempertahankan diri;
 - (v) adat dan budaya (adat istiadat, busana/kostum).
 - (vi) bahasa dan kesusteraaan (sastera rakyat/ lagu dan cerita rakyat, sajak, gurindam, pantun, syair, teromba)
 - (vii) audio visual dan media interaktif.
- 3.4 Penganjuran program/ aktiviti kesenian dan kebudayaan hanya boleh dilaksanakan di premis-premis seperti dinyatakan dalam PU(A) 502/2000 seperti Istana Budaya, Balai Seni Lukis Negara dan Dewan Filharmonik Petronas.

4.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

4.1 Pihak yang layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut:

Syarat-Syarat Kelayakan	
Pihak Yang Layak Diberi Pertimbangan	Pihak Yang Tidak Layak Diberi Pertimbangan
<p>(i) Penganjur/ Syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 atau organisasi dan pertubuhan yang berdaftar di bawah Pendaftaran Perniagaan mengikut Akta Pertubuhan 1966.</p> <p>DAN;</p> <p>(ii) Organisasi yang diwujudkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iaitu Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan (<i>NPO-Non Profit Organisation</i>) yang diperbadankan sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ).</p>	<p>(i) Orang perseorangan</p> <p>(ii) Badan Bukan Kerajaan</p> <p>(iii) Organisasi yang tidak berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara.</p> <p>(iv) Organisasi yang disenarai hitam oleh pihak MOTAC.</p> <p>(v) Pertubuhan politik termasuk Pusat Khidmat Masyarakat.</p> <p>(vi) Organisasi yang telah dibatalkan pendaftarannya.</p> <p>(vii) Organisasi yang telah disenaraihitamkan.</p>

5.0 **PROSEDUR PERMOHONAN**

- 5.1 Penganjur / Syarikat perlu terlebih dahulu mendapat **Surat Kebenaran Pelaksanaan Program** daripada MOTAC sebelum melaksanakan program.
- 5.2 MOTAC akan mengeluarkan **Surat Kebenaran Pelaksanaan Program** dengan meneliti cadangan program oleh pihak Penganjur/ Syarikat berdasarkan kriteria penilaian seperti di bawah:
- (i) Penganjur/ Syarikat berdaftar dengan Pendaftaran Perniagaan (ROS) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan tempoh pendaftaran yang sah;
 - (ii) Penganjur/ Syarikat aktif dalam penganjuran program/ aktiviti kesenian dan kebudayaan;
 - (iii) Penganjuran bersama dari pihak luar negara yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) persembahan di luar negara (tidak termasuk negara asal).
 - (iv) Penganjuran program/ aktiviti kesenian dan kebudayaan dilaksanakan di premis-premis seperti dinyatakan dalam PU(A) 502/2000 seperti Istana Budaya, Balai Seni Lukis Negara dan Dewan Filharmonik Petronas.
 - (v) Impak program/ aktiviti kesenian dan kebudayaan kepada kumpulan sasaran dalam meningkatkan kehadiran pelancong dan pendapatan kepada negara;
 - (vi) Permohonan adalah lengkap; dan
 - (vii) Mengemukakan laporan cadangan (sebelum program dilaksanakan)
 - (viii) Mengemukakan laporan program (selepas program dilaksanakan)

5.2.1 Surat Kebenaran Pelaksanaan Program

- a) Bagi mendapatkan **Surat Kebenaran Pelaksanaan Program**, pihak Penganjur/ Syarikat dikehendaki mengemukakan permohonan lengkap dengan dokumen berikut sekurang-kurangnya **30 hari** sebelum tarikh pelaksanaan:

BIL

PERKARA

1. Borang Permohonan
2. Surat Permohonan dari Penganjur/ Syarikat
3. Kertas Kerja Cadangan Program

- b) Kertas Kerja Cadangan Program perlu mengandungi butiran-butiran seperti berikut:

Profil Penganjur/ Syarikat

- (i) Latar belakang
- (ii) Senarai pelaksanaan program / aktiviti tahun lepas;
- (iii) Sijil pendaftaran (ROS/MOF/SSM) yang berkaitan
- (iv) Salinan penyata akaun bank

Penganjuran Program

- (i) Tujuan;
- (ii) Konsep dan keterangan program;
- (iii) Jemputan khas perasmis (jika ada);
- (iv) Golongan sasaran;
- (v) Strategi promosi;
- (vi) Anggaran *return of investment (R.O.I)* kepada industri;
- (vii) Pecahan kos keseluruhan;
- (viii) Nama pegawai yang boleh dihubungi;
- (ix) Alamat dan nombor telefon / faks yang boleh dihubungi;

- (x) Surat sokongan Jabatan / Agensi yang berkaitan (jika perlu);
- (xi) Kenyataan mengenai butir-butir pemberian yang diterima daripada Kementerian / Jabatan lain, (jika ada).

5.2.2 Surat Kelulusan Pengecualian Cukai

- a) Selepas pelaksanaan program pihak Penganjur/ Syarikat perlu mendapatkan **Surat Kelulusan Pengecualian Cukai** dengan mengemukakan permohonan lengkap dengan dokumen berikut selewat-lewatnya **90 hari** selepas tarikh pelaksanaan:

BIL	<u>PERKARA</u>
1.	Borang Permohonan
2.	Surat Permohonan daripada Penganjur/ Syarikat
3.	Laporan Pelaksanaan Program/ Aktiviti
4.	Laporan Perbelanjaan Program/ Aktiviti
5.	Salinan Surat Kebenaran Pelaksanaan Program daripada MOTAC
6.	Bahan Cetakan/Promosi/Buku Program
7.	Dokumen Sokongan Berkaitan (sekiranya perlu)

- 5.3 Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada :
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
Aras 4, Menara 1, No. 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya

- 5.4 Kegagalan mengemukakan dokumen lengkap berdasarkan senarai semak boleh menyebabkan permohonan ditolak.

6.0 Prosedur Menikmati Pengecualian Cukai dari LHDNM

- 6.1 Tuntutan ke atas pengecualian cukai bagi penganjuran program yang telah diluluskan oleh MOTAC hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan.
- 6.2 Salinan asal Surat Kebenaran Pelaksanaan Program dan Surat Kelulusan Pengecualian Cukai oleh MOTAC hendaklah disimpan dengan baik untuk tujuan audit oleh LHDNM.

7.0 MEKANISMA PELAKSANAAN

- 7.1 Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan berkanun diberi kepada syarikat yang menganjurkan program/ aktiviti kesenian dan kebudayaan yang diluluskan oleh MOTAC di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

8.0 TARIKH KUATKUASA


- 8.1 Pelaksanaan pengecualian cukai bagi penganjuran persembahan pentas kesenian dan kebudayaan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2020 hingga 2025.

Disediakan oleh:

Bahagian Dasar Kebudayaan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

CARTA ALIR
**PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI BAGI PENGANJURAN PROGRAM/
AKTIVITI KESENIAN DAN KEBUDAYAAN DI MALAYSIA**





Mengemukakan Permohonan kepada
MOTAC
(**Jawatankuasa Penilaian dan
Kelulusan Permohonan Pengecualian
Cukai**)

Mesyuarat bersidang kali kedua



Surat Kelulusan Pengecualian Cukai



Permohonan ke LHDNM oleh Penganjur/
Syarikat

Dokumen

1. Borang Permohonan
2. Surat Permohonan daripada Penganjur/ Syarikat
3. Laporan Pelaksanaan Program/ Aktiviti
4. Laporan Perbelanjaan Program/ Aktiviti
5. Salinan Surat Kebenaran Penganjuran Program daripada MOTAC
6. Bahan Cetakan/Promosi/Buku Program
7. Dokumen Sokongan Berkaitan (sekiranya perlu)